



**POLISI ANTI RASUAH**  
KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.  
KPTMSB.IGU.PL.01

No. Keluaran	1
No. Semakan	0
Tarikh Kuatkuasa	01 September 2024
Status	Dikawal

	<u>Disediakan oleh</u>	<u>Dikawal oleh</u>	<u>Diluluskan oleh</u>
T/Tangan			
Nama	HAMIDI BIN HARUN	WAN MOHAMAD BIN WAN DAUD	
Jawatan	Pen. Pengarah Kanan Unit Integriti & Governans	Ketua Unit Integriti & Governans	

## REKOD SEMAKAN

## **1.0 TUJUAN**

Polisi ini menyediakan prinsip, garis panduan dan keperluan bagaimana untuk menangani amalan rasuah serta salah guna kuasa dalam penyampaian perkhidmatan Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB). Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai kawalan pencegahan rasuah, perlakuan rasuah, dan mekanisme pelaporan.

## **2.0 SKOP**

Polisi ini terpakai kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, warga KPTMSB dan rakan strategik. Polisi ini juga terpakai kepada semua pihak yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak KPTMSB. Semua pihak perlu mematuhi polisi ini apabila melakukan sesuatu kerja atau perkhidmatan.

## **3.0 RUJUKAN**

- 3.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 3.2 Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB 2022
- 3.3 Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575)

## **4.0 DEFINISI**

PERKARA	DEFINISI
IGU	Unit Integriti dan Governans
JKAI	Jawatankuasa Audit dan Integriti
KPTMSB	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Lembaga Pengarah	Ahli Lembaga Pengarah KPTMSB.
Pengurusan Tertinggi	Pengurusan Atasan KPTMSB
Rakan Strategik	Pihak yang memberi / menerima perkhidmatan atau pembekalan kepada / daripada KPTMSB.
Rasuah	Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Akta 694) membawa maksud sebarang tindakan menawarkan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai atau suapan dalam usaha untuk mempengaruhi secara tidak wajar keputusan atau

	tindakan seseorang yang berkepentingan dalam organisasi.
SPAR	Sistem Pengurusan Anti Rasuah
Warga KPTMSB	Semua warga KPTMSB termasuk pengurusan kanan, pengurus, eksekutif, bukan eksekutif, ahli akademik, pelajar dan pakar yang diambil bekerja oleh syarikat. Ini juga meliputi warga KPTMSB tetap, warga KPTMSB kontrak, warga KPTMSB sementara, sambilan, pelatih dan mereka yang dipinjamkan daripada agensi lain.
Suapan	<p>Suapan merujuk kepada tafsiran ‘suapan’ di bawah Seksyen 3, Akta 694 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</li> <li>b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;</li> <li>c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;</li> <li>d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</li> <li>e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</li> <li>f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau</li> </ul>

	<p>menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan</p> <p>g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f);</p>
--	---

## 5.0 TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN PENGURUSAN KPTMSB

KPTMSB sentiasa komited untuk mencegah dan menangani rasuah dengan cara berikut:

- i. Memastikan warga KPTMSB tidak memberi, meminta, menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, tajaan atau apa-apa nilai kewangan untuk diri sendiri, ataupun untuk orang lain daripada mana-mana orang, pihak-pihak ejen, pembekal, kontraktor atau pihak-pihak lain dalam melakukan tugas rasmi;
- ii. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) dan segala undang-undang yang terpakai dalam setiap aktiviti perkhidmatannya;
- iii. Menerapkan elemen anti rasuah dalam penggubalan polisi dan prosedur kerja bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus dan pelanggaran integriti;
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi warga KPTMSB dan pihak berkepentingan melaporkan sebarang salah laku rasuah dan integriti dengan memastikan kerahsiaan maklumat dan pengadu melalui pematuhan terhadap Polisi Aduan dan Perlindungan Pemberi Maklumat KPTMSB; dan
- v. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kelakuan tidak wajar yang berkaitan dengan rasuah.

## 6.0 KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta 694 adalah seperti berikut:

**6.1    Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694**

- 6.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- 6.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan, menjanjikan atau menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.
- 6.1.3 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16 ini apabila disabitkan boleh :-
  - (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
  - (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**6.2    Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694**

- 6.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- 6.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.
- 6.2.3 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 17 ini apabila disabitkan boleh :-

- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**6.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694**

- 6.3.1 Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.
- 6.3.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 18 apabila disabitkan boleh:-
  - (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
  - (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**6.4 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694**

- 6.4.1 Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.
- 6.4.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 23 ini apabila disabitkan boleh:-

- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

#### **6.5 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694**

- 6.5.1 Seksyen 25 (1) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.
- 6.5.2 Seksyen 25 (2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- 6.5.3 Seksyen 25 (3) Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh, suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.
- 6.5.4 Seksyen (4) Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

#### **6.6 Seksyen 17A, Akta 694 Liabiliti Korporat**

- 6.6.1 Liabiliti korporat merujuk kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009 iaitu kesalahan oleh organisasi komersial. Peruntukan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.
- 6.6.2 Berdasarkan peruntukan ini, organisasi komersial boleh didakwa dan dihukum sekiranya membenarkan pegawai/kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau mendapat apa-apa faedah bagi organisasi komersial itu.
- 6.6.3 Bagi mengelakkan organisasi komersial didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009, organisasi komersial mesti melaksanakan usaha-usaha bagi memastikan rasuah tidak berlaku dalam urus niaga perniagaan. Usaha-usaha ini mesti mencukupi dengan mengambil kira saiz organisasi, jenis perniagaan dan tahap risiko rasuah yang dihadapi oleh organisasi terbabit.
- 6.6.4 Melalui peruntukan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 menyatakan bahawa kesalahan rasuah oleh organisasi komersial berlaku apabila:
- i. seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial
  - ii. memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menjanjikan atau menawarkan rasuah
  - iii. bertujuan untuk memperoleh apa-apa projek atau kontrak bagi organisasi komersial itu; atau untuk memperoleh apa-apa faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.
- 6.6.5 Hukuman bagi kesalahan rasuah oleh organisasi komersial diperuntukkan melalui Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Sekiranya disabitkan, organisasi komersial atau individu yang terlibat boleh didenda tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan, atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; atau dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun; atau kedua-duanya sekali.

## 7.0 SALURAN ADUAN

Satu pendedahan boleh dilaksanakan dengan menggunakan salah satu saluran seperti berikut:

- 7.1 Bersemuka atau hadir sendiri berjumpa pegawai di Unit Integriti dan Governans;

- 7.2 Aduan menerusi Sistem Aduan Integriti KPTMSB dalam laman sesawang KPTMSB;
- 7.3 Emel kepada [igu@gapps.kptm.edu.my](mailto:igu@gapps.kptm.edu.my);
- 7.4 Telefon 03-91795720 / 03-91795722; atau
- 7.5 Surat dan hantar ke pejabat Unit Integriti dan Governans KPTMSB:

**Unit Integriti dan Governans  
Aras 4, Ibu Pejabat KPTM  
Jalan 7/91, Taman Shamelin Perkasa  
56100, Cheras, Kuala Lumpur**

## **8.0 PENUTUP**

Pematuhan terhadap Polisi Anti Rasuah ini diharap dapat mencapai amalan ***“Zero Tolerance Towards Corruption”*** dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan serta ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan anti rasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan menjadikan KPTMSB antara agensi peneraju perkhidmatan pendidikan dalam pelaksanaan inisiatif anti rasuah.

## PERNYATAAN POLISI ANTI RASUAH

Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) mempunyai pendirian *sifar toleransi* terhadap amalan rasuah, suapan dan penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan dan perkhidmatan.

KPTMSB sentiasa komited untuk mencegah dan menangani rasuah dengan cara berikut:

- i. Memastikan warga KPTMSB tidak memberi, meminta, menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, tajaan atau apa-apa nilai kewangan untuk diri sendiri atau untuk orang lain daripada mana-mana orang, pihak-pihak ejen, pembekal, kontraktor atau pihak-pihak lain dalam melakukan tugas rasmi;
- ii. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) dan segala undang-undang yang terpakai dalam setiap aktiviti perkhidmatannya;
- iii. Menerapkan elemen anti rasuah dalam penggubalan polisi dan prosedur kerja bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus dan pelanggaran integriti;
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi warga KPTMSB dan pihak berkepentingan melaporkan sebarang salah laku rasuah dan integriti dengan memastikan kerahsiaan maklumat dan pengadu melalui pematuhan terhadap Polisi Aduan dan Perlindungan Pemberi Maklumat KPTMSB; dan
- v. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kelakuan tidak wajar yang berkaitan dengan rasuah.

Setiap warga KPTMSB adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Pelanggaran terhadap polisi ini akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB yang sedang berkuatkuasa.

Pernyataan Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Anti Rasuah KPTMSB.



.....  
(RADZUAN BIN RAZALI)  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.